



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1444
PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2022M
TARIKH: 30 JULAI 2022 (SABTU) JAM: 9.50 PAGI
DI PENTAS UTAMA, DATARAN PUSAT ISLAM MELAKA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih saudara pengacara majlis,

Kehadapan Yang Dikasihi;

**Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali
bin Mohd Rustam,**

Yang di-Pertua Negeri Melaka; dan

Yang Amat Berbahagia,

Toh Puan Datuk Wira (Dr) Hajah Asmah bt Ab Rahman,

1. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka di atas kesudian untuk hadir pada **Majlis Perhimpunan dan Penyampaian Anugerah Khas**

Maal Hijrah 1444H Peringkat Negeri Melaka Tahun 2022M.

2. Sesungguhnya, kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia jelas membuktikan betapa mekar dan bersemaraknya kasih sayang seorang Yang di-Pertua Negeri terhadap rakyat jelata di samping keprihatinan terhadap pembangunan agama Islam di Melaka.

***Rimbun subur sepohon jati,
Bunga Kesidang kebanggaan negeri;
Kehadiran Tun Seri Setia dan Toh Puan amat bererti,
Menjadikan majlis bertambah seri.***

3. Saya dan seluruh rakyat Melaka sangat bersyukur dan cukup tersentuh dengan keprihatinan Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia. Semoga Tun Seri Setia akan terus memberi perangsang, semangat dan keyakinan kepada kita semua untuk terus berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh ke arah pembangunan dan peningkatan syiar Islam di Negeri Melaka. Insya-Allah.

Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia,

Seterusnya, izinkan saya untuk berucap kepada para hadirin dalam majlis yang berbahagia ini.

**YB Datuk Ibrahim bin Durum,
Speaker Dewan Undangan Negeri Melaka;**

**YB Datuk Zaidi bin Johari,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;**

**YBhg. Datuk Wira Haji Md Rawi bin Mahmud,
Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maal
Hijrah 1444 Peringkat Negeri Melaka Tahun 2022
Masihi merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Agama
Islam Melaka;**

YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;

YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Melaka;

**Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin
Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;**

**YBhg. Dato' Che Sukri bin Che Mat,
Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka;**

**YBrs. Tuan Haji Muhammad Ikram bin Ibrahim,
Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka;**

Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan;

**Para Penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah;
seterusnya**

Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan, muslimin dan muslimat yang dihormati sekalian.

4. *Aulanya, memetik firman Allah SWT dalam surah **Al-Baqarah, ayat 218** dengan mafhumnya,*

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani"

5. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah perkenan-Nya, pada tahun 1444 Hijriyyah bersamaan 2022 Masihi ini, kita dapat berhimpun di Dataran Pusat Islam Melaka untuk sama-sama menyambut

hari kebesaran Islam dan meraikan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Melaka.

6. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua muslimin dan muslimat yang dapat hadir dan meraikan majlis sambutan ini. Sekalung syabas juga diucapkan atas kerjasama dan sokongan agensi-agensi yang terlibat bagi menjayakan majlis ini.

Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,

7. Saya difahamkan, tema Sambutan Maal Hijrah pada tahun ini ialah "***Keluarga Malaysia Pemangkin Kemakmuran***". Tema ini menjadi aspirasi kepada kita semua untuk terus menjulang tinggi syiar Islam.

8. Hari ini, 1 Muharam 1444 Hijriyyah. Bermakna kita telah memasuki fasa Muharam, bulan permulaan tahun Hijrah bagi umat Islam. Untuk tahun baharu ini, marilah kita sama-sama berdoa, semoga Allah SWT terus mempermudah urusan kita dalam meneruskan perjalanan kehidupan seharian kita, insya-Allah.

Muslimin dan muslimat yang dihormati sekalian,

9. Umat Islam telah banyak mempelajari hikmah daripada kisah penghijrahan Baginda Nabi Muhammad SAW dari Kota Makkah ke Kota Madinah. Hijrah adalah antara peristiwa besar yang telah merubah perjalanan hidup manusia dan tamadun kehidupan. Sewajarnya umat Islam pada hari ini menyedari bahawa jatuh bangun agama, tamadun serta identiti umat Islam adalah di tangan umat Islam sendiri.

10. Justeru, banyak aspek yang perlu diberi penekanan terhadap umat Islam terutamanya yang melibatkan krisis moral dalam kalangan kita. Golongan ini seharusnya diberikan tunjuk ajar nilai-nilai

keagamaan agar mereka sedar tentang perbuatan yang tidak sepatutnya itu. Kita tidak boleh mengambil perkara ini sebagai hal yang remeh, kerana mereka juga berada dalam komuniti kita dan memerlukan bantuan yang khusus.

11. Sebagai contoh, isu dadah dan rasuah, merupakan antara penyakit sosial yang masih tiada kesudahannya. Belum pun sempat negara keluar daripada masalah tersebut, datang pula masalah baharu seperti penghinaan terhadap agama Islam yang dilakukan secara terang-terangan dan seolah-olah disengajakan menggunakan platform media sosial.

Muslimin dan muslimat yang dimuliakan,

12. Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu terlibat sama bagi membendung dan menyelesaikan masalah ini tidak kira ibu bapa, guru-guru, pihak kerajaan mahupun komuniti setempat.
13. Dalam hal ini, pendidikan agama dan akademik mestilah berjalan seiring untuk meraih kejayaan di dunia serta di akhirat. Islam tidak membuang dunia dan tidak pula semata-mata memberi tumpuan kepada akhirat, sebaliknya Islam adalah agama yang mengimbangi tuntutan kehidupan di dunia dan juga kehidupan selepas ini.

14. Pada masa yang sama, pengajaran dari hijrah Nabi Muhammad SAW mesti diaplikasikan dengan sebaik mungkin. Justeru, saya mengambil kesempatan ini menyeru dan mengajak sekalian umat Islam yang ada di sini untuk kita memulakan satu perjuangan mengembalikan keagungan Islam seperti mana kegemilangan pada abad yang lalu dengan langkah penghijrahan minda dan perbuatan ke arah yang lebih baik.

Muslimin dan muslimat yang dihormati sekalian,

15. Sempena sambutan tahun baharu 1444 Hijriyyah ini, tidak lewat rasanya untuk saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu kepada semua muslimin dan muslimat sekalian. Marilah kita sama-sama memulakan langkah, melawan sifat mementingkan diri sendiri dan sentiasa melakukan kebaikan serta tanamkan semangat "**Keluarga Malaysia**" secara berterusan sehingga peningkatan kualiti diri menjadi kebiasaan dan amalan.

16. Sebelum mengakhiri ucapan, izinkan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan **tahniah kepada pemenang Tokoh Maal Hijrah dan tokoh-tokoh kategori lain yang bakal diumumkan sebentar lagi.**

Sesungguhnya segala bakti dan sumbangan tuan-tuan dan puan-puan semua amat dihargai. Jadikanlah anugerah ini sebagai perangsang dan pendorong untuk meneruskan usaha yang lebih baik serta menjadi amal bakti di sisi Allah SWT. Insyallah.

17. Akhir kata, saya mengucapkan **tahniah kepada semua Jawatankuasa Sambutan Maal Hijrah, para hadirin serta semua pihak yang turut sama menjayakan majlis pada hari ini.** Semoga dengan penganjuran majlis ini, kita akan memperolehi ganjaran, rahmat dan keberkatan yang tidak terhingga daripada Allah SWT kelak.

**Menjelma lagi tahun baharu,
Penyatuan ummah jiwa raga,
Muharam membuka lembaran baru,
Tingkatkan amalan menuju syurga.**

**Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia, demikianlah
ucapan saya kepada para hadirin sekalian,**

18. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia di atas kesudian hadir pada hari ini.

19. Saya dan keluarga, serta barisan kepimpinan negeri dan seluruh rakyat Negeri Melaka mendoakan Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia serta keluarga sentiasa dilimpahi rahmat daripada Allah SWT dan sentiasa berada dalam keadaan sihat, dilanjutkan usia dan dimudahkan rezeki sentiasa.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wasalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

-TAMAT-